

UNTUK TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

Jumlah Perlindungan: RM500,000 | Umur: 30 tahun | Jantina: Lelaki | Umur Matang: 45/50/55

Tempoh Perlindungan: 15/20/25 tahun | Tempoh Bayaran Sumbangan: 3/5/10 tahun

Ini bukan perlindungan sebenar dan mungkin tidak tersedia di bawah pelan ini.

Untuk perlindungan sebenar dan ilustrasi berdasarkan maklumat anda, sila rujuk Ilustrasi Manfaat.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; anda juga patut membacanya.

Pengendali Takaful	AmMetLife Takaful Berhad (AmMetLife Takaful)
Nama Pelan	PrestigeWealth-i (Ini adalah pelan takaful)
Tarikh	DD/MM/YYYY

KETAHUI LEBIH LANJUT



Langkah 1 Apakah PrestigeWealth-i?

PrestigeWealth-i adalah pelan takaful keluarga biasa yang menawarkan perlindungan dengan tempoh pembayaran terhad. Ia menyediakan perlindungan bagi kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) dan manfaat kematian akibat kemalangan. Selain itu, ia membayar bayaran tunai tahunan bermula daripada akhir tahun kedua sehingga tamat tempoh. Apabila matang, manfaat matang akan dibayar.

Konsep Syariah yang diguna pakai:

- Wakalah** – Semua pemegang sijil melantik AmMetLife Takaful untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melaburkan dan menguruskan pelan takaful berlandaskan prinsip-prinsip Syariah. AmMetLife Takaful berhak menerima fi wakalah seperti yang dinyatakan dalam Ilustrasi Manfaat untuk menguruskan pelan ini.
- Tabarru'** – Semua pemegang sijil bersetuju untuk menderma sebahagian tertentu daripada sumbangan yang telah dibayar ke dalam Dana Risiko Peserta-peserta (DRP) untuk tujuan saling menolong dan membantu bersama.
- Qard** – Pinjaman tanpa faedah daripada AmMetLife Takaful sekiranya DRP berada dalam keadaan defisit. Pinjaman ini akan dibayar semula daripada lebihan yang terhasil daripada DRP pada masa hadapan.

Langkah 2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Jumlah Permulaan Perlindungan: RM500,000 **Tempoh Perlindungan: 15/20/25 tahun** (sehingga berumur 45/50/55 tahun bergantung ke atas pelan yang dipilih)

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 500,000** setahun, anda akan menerima perlindungan / manfaat berikut:

Manfaat Kematian atau HUMK	- Sekiranya kematian atau HUMK berlaku di dalam 2 tahun pertama sijil, Jumlah Sumbangan* yang dibayar ditolak sebarang jumlah Bayaran Tunai Tahunan (BTT) yang diterima atau baki di dalam DPP; yang mana lebih tinggi, ditambah jumlah di dalam AKP, jika ada, akan dibayar. - Sekiranya kematian atau HUMK berlaku pada sijil ke-3 dan seterusnya, Jumlah Permulaan Perlindungan (JPP); atau 105% x (Jumlah Sumbangan* dibayar ditolak sebarang jumlah BTT yang diterima); atau baki di dalam DPP, yang mana lebih tinggi, ditambah jumlah di dalam AKP, jika ada, akan dibayar. <i>*Jumlah Sumbangan dibayar tidak termasuk Top-Up.</i>									
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan terhadap Peserta, JPP tambahan akan dibayar daripada DRP sebagai tambahan ke atas Manfaat Kematian berdasarkan kejadian berikut: a) 100% daripada JPP jika berlaku kemalangan; atau b) 200% daripada JPP jika berlaku kemalangan di dalam Pengangkutan Awam; atau c) 300% daripada JPP jika berlaku kemalangan di luar negara. Hanya satu daripada tuntutan kejadian kemalangan yang dibenarkan tertakluk kepada punca kemalangan.									
Manfaat Bayaran Tunai Tahunan (BTT)	Manfaat BTT akan dibayar pada setiap tahun bermula daripada akhir tahun ke-2 sijil sehingga matang dengan syarat semua sumbangan dibayar pada waktunya. Manfaat BTT akan dibayar berdasarkan peratusan JPP seperti berikut:									
	Akhir Tahun Sijil	2 – 4	5	6 – 9	10	11 – 14	15	16 – 19	20	21 – 24
	3 Pay 20	3%	25%	5%	40%	6%	50%	7%	-	-
	3 Pay 25	3%	20%	4%	25%	5%	35%	6%	45%	7%
	5 Pay 15	5%	30%	7%	45%	10%	-	-	-	-
	5 Pay 25	3%	20%	4%	30%	5%	40%	7%	50%	10%
	10 Pay 20	10%	40%	15%	80%	20%	110%	25%	-	-
	10 Pay 25	6%	35%	11%	65%	16%	100%	21%	110%	25%
	Bayaran BTT akan disalurkan dan dilaburkan di dalam AKP untuk potensi pulangan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, Peserta boleh mengeluarkan bayaran tunai pada bila-bila masa tertakluk kepada terma dan syarat.									
Manfaat Matang	Bayaran Maturity Booster* atau baki di dalam DPP, yang mana lebih tinggi, ditambah baki di dalam AKP akan dibayar.									
	<i>*Bayaran Maturity Booster adalah % daripada JPP.</i>									
	3 Pay 20	3 Pay 25	5 Pay 15	5 Pay 25	10 Pay 20	10 Pay 25				
	113%	116%	345%	355%	560%	576%				

Pengecualian – Pelan ini tidak melindungi sebab-sebab yang berikut:

- jika kematian disebabkan oleh atau berpunca daripada bunuh diri (semasa waras atau tidak) dalam 1 tahun dari tarikh kuatkuasa; atau
- jika HUMK akibat kemalangan berpunca dari cubaan bunuh diri atau mencederakan diri sendiri semasa waras atau tidak; atau
- keadaan sedia ada.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful untuk terma dan syarat yang lengkap.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai pelan anda, anda boleh:

UNTUK TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

Jumlah Perlindungan: RM500,000 | Umur: 30 tahun | Jantina: Lelaki | Umur Matang: 45/50/55

Tempoh Perlindungan: 15/20/25 tahun | Tempoh Bayaran Sumbangan: 3/5/10 tahun

Ini bukan perlindungan sebenar dan mungkin tidak tersedia di bawah pelan ini.

Untuk perlindungan sebenar dan ilustrasi berdasarkan maklumat anda, sila rujuk Ilustrasi Manfaat.



Tulis Kepada Kami



1 300 22 9777



ammetlifetakaful.com



customer@ammetlifetakaful.com

Langkah 3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk pelan takaful ini, anda perlu membayar sumbangan takaful sebanyak:

Sumbangan: RM500,000 setahun (*Sumbangan ini berdasarkan keadaan kesihatan standard.*)

Tempoh: 3, 5 atau 10 tahun bergantung ke atas tempoh bayaran yang dipilih semasa permulaan.

Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:

Fi Wakalah

Fi Wakalah – Peratusan yang akan ditolak daripada sumbangan:

Tempoh Bayaran	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4-5	Tahun 6-7	Tahun 8-10
3 tahun	42%	22%	12%			
	RM210,000	RM110,000	RM60,000			
5 tahun	48%	24%	16%	10%		
	RM240,000	RM120,000	RM80,000	RM50,000		
10 tahun	54%	29%	23%	14%	10%	5%
	RM270,000	RM145,000	RM115,000	RM70,000	RM50,000	RM25,000

Fi Wakalah untuk Sumbangan Top-Up adalah 5% daripada Sumbangan Top-up.

Komisen

Komisen dibayar kepada bank (sebahagian daripada Fi Wakalah):

Tempoh Bayaran	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4-5	Tahun 6-10
3 tahun	4.50%	4.00%	1.50%		
	RM22,500	RM20,000	RM7,500		
5 tahun	8.75%	6.25%	5.00%	2.50%	
	RM43,750	RM31,250	RM25,000	RM12,500	
10 tahun	15.00%	10.00%	7.50%	2.50%	2.50%
	RM75,000	RM50,000	RM37,500	RM12,500	RM12,500

Komisen bagi sumbangan Top-up adalah 3.75% daripada amaun sumbangan Top-up.

Caj Tabarru'

Ini ditolak secara bulanan dari DPP anda dan akan diperuntukkan ke dalam DRP. Amaun tabarru' ini akan meningkat seiring pertambahan usia anda.

Fi Perkhidmatan Bulanan

RM15 sebulan akan ditolak dari DPP.

Fi Serahan

RM100 atau 10% daripada nilai DPP, yang mana lebih rendah.

AmMetLife Takaful memperuntukkan sebahagian daripada sumbangan anda ke dalam DPP anda. Fi Wakalah akan digunakan untuk membayar komisen kepada ejen dan perbelanjaan lain AmMetLife Takaful.

Langkah 4 Terma dan Syarat Yang Lain

Kepentingan Membuat Pendedahan – Anda perlu mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur/tarikh lahir anda dengan betul. Jika tidak siji anda mungkin terbatal.

Tempoh Tangguh – Anda mempunyai 45 hari Tempoh Tangguh dari tarikh akhir sumbangan untuk membuat pembayaran. Jika anda tidak membayar sumbangan anda dalam tempoh 45 hari dari tarikh sumbangan perlu dibayar, siji anda akan terus berkuatkuasa selagi jumlah DPP mencukupi untuk menampung nilai Tabarru' dan caj lain. Jika tidak, siji anda akan luput.

Siji Luput – Siji anda akan luput apabila baki DPP anda tidak mencukupi untuk menampung tabarru', caj lain dan pembayaran Manfaat Bayaran Tunai Tahunan.

Fi, Tabarru' dan Caj Tidak Dijamin – Kadar ini TIDAK DIJAMIN dan boleh disemak semula dengan memberi sekurang-kurangnya 30 hari notis lebih awal kepada anda.

Perubahan Butiran untuk Dihubungi – Anda perlu memaklumkan kepada kami jika terdapat perubahan kepada butiran untuk menghubungi anda/penama untuk memastikan semua maklumat terkini sampai kepada anda/penama anda tepat pada masanya.

Tuntutan – Maklumkan kepada kami dengan kadar segera jika anda ingin membuat tuntutan di bawah siji anda. Kami akan membimbing anda tentang dokumen yang perlu diserahkan bagi memproses tuntutan anda.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Siji Takaful untuk terma dan syarat yang lengkap.



Bolehkah saya membatalkan siji saya?

Tempoh Rujukan Percuma – Jika anda tidak berpuas hati dengan siji ini, anda boleh membatalkannya dengan memberitahu kami secara bertulis dalam tempoh 15 hari selepas menerima siji ini. Kami akan memulangkan semula sumbangan yang telah dibayar.

Pembatalan – Anda boleh membatalkan siji anda pada bila-bila masa selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan menghantar notis bertulis kepada kami. Perlu diingat bahawa amaun yang anda terima akan jauh lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang dibayar. **la mungkin tidak menguntungkan jika anda membatalkan atau menggantikan siji sedia ada dengan yang baru.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah siji yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi AmMetLife Takaful atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).